AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Isu surat khabar bungkus makanan belum diputus

Kuala Lumpur: Keputusan penggunaan surat khabar dan kertas bercetak lain sebagai pembungkus makanan perlu melalui beberapa siri perbincangan terlebih dahulu, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan belum membuat sebarang keputusan mengenainya dan perbincangan terperinci akan diadakan pada masa terdekat bagi menetapkan piawaian khusus berhubung perkara itu.

"Setakat ini, belum ada tindakan khusus daripada kementerian ke atas peniaga yang menggunakan surat khabar dan kertas bercetak untuk membungkus makanan.

"Perkara ini perlu perbincangan terperinci dan menyeluruh sebelum sebarang keputusan diambil," katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Keselamatan Makanan Kesatuan Eropah (EU) - ASEAN 2015 di sini, semalam.

Subramaniam berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan kerajaan negeri Perlis mengharamkan penggunaan surat khabar dan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan.

Perlis mendakwa surat khabar dan kertas bercetak lazimnya mengandungi bahan kimia yang boleh memberikan kesan negatif kepada kesihatan.

"Kita tahu penggunaan bahan kimia ini secara berterusan boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Subramaniam berkata forum keselamatan makanan yang masuk tahun kedua itu memberi ruang untuk perkongsian maklumat dan pengalaman di rantau ASEAN dan EU.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : SETEMPAT

47 panggilan 999 sejam

Talian terima 600,000 kes kecemasan sepanjang tahun lalu

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my
Shah Alam

Talian kecemasan 999 merekodkan sekurang-kurangnya 47 panggilan setiap sejam oleh rakyat negara ini yang memerlukan perkhidmatan rawatan pra hospital dan ambulans Kementerian Kesihatan pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, sepanjang tahun lalu saja 600,000 panggilan kecemasan diterima pihaknya dan antara yang tertinggi berbanding semua agensi berkaitan.

Menurutnya, bagi perkhidmatan ambulans pula, 408,000 tindak balas ambulans direkodkan di seluruh negara yang mengalami situasi kecemasan.

"Kementerian menyediakan lebih 2,000 ambulans di seluruh negara dan kita tambah lagi 200 unit ambulans setiap tahun.

"Jika diikutkan dengan pelbagai aspek termasuk pertambahan penduduk, memang tidak cukup, namun kita memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Ambulans Kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan Putrajaya serta Hospital Kuala Lumpur (HKL) di pekarangan Hospital Shah Alam di sini, semalam.

FAKTA
Kementerian menyediakan lebih 2,000 ambulans di seluruh negara

DR Hilmi (kiri) beramah mesra dengan jururawat dalam Majlis Penyerahan Ambulans Kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Hospital Kuala Lumpur di Hospital Shah Alam.

Pada majlis berkenaan, ambulans baru diserahk kepada jabatan berkena untuk ditempatkan di ho pital terpilih khususnya b menambah baik perkh matan berkenaan.

Dr Hilmi berkata, keme terian itu turut menyed kan 'hot spot' ambulans beberapa kawasan di Le bah Klang sebagai inisi untuk menambah baik p khidmatannya.

Katanya, kebiasaann waktu yang diambil unt setiap ambulans tiba di kasi adalah 15 minit, nam dengan adanya lokasi t tentu ia dapat dikurangk kepada 10 minit.

"Lokasi 'hot spot' terba adalah di Sunway, Pinggi Subang, Rantau Panjang Klang, Hulu Klang serta P chong yang turut menda kerjasama beberapa per buhan bukan keraja (NGO) seperti Persatuan P lan Sabit Merah (PBSM) d lain-lain agensi," katanya

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 48
RUANGAN : SETEMPAT

DR Subramaniam (kiri) bersama Pengerusi EUMCCI, Fermin Fautsch pada majlis perasmian, semalam.

Tiada piawaian bungkus guna surat khabar

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan masih belum menetapkan sebarang piawaian khusus berhubung isu penggunaan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan.

Menterinya, Datuk Seri S Subramaniam berkata, ketika ini dasar Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan cukup jelas menolak penggunaan surat khabar lama untuk tujuan pembungkusan makanan.

"Keputusan Kerajaan Negeri Perlis untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap pengendali makanan yang menggunakan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan itu konsisten dengan polisi kesihatan.

"Begitupun, bagi pihak kementerian, polisi kita lebih bersifat galakan. Kita tidak ambil tindakan (kepada yang menggunakan kertas bercetak) tapi kita galakkan mereka supaya tidak berbuat demikian," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media selepas merasmikan Forum EU-ASEAN Mengenai Keselamatan Makanan kali kedua, semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Belum larang guna surat khabar

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan akan mengkaji dan mengadakan perbincangan mengenai penggunaan kertas bercetak terutama surat khabar sebagai pembungkus makanan dalam tempoh terdekat.

SUBRAMANIAM

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, kementerian masih belum menetapkan sebarang piawaian khusus berhubung perkara tersebut.

"Ketika ini, kita masih belum membuat sebarang keputusan atau mengharamkan penggunaan surat khabar sebagai pembungkus makanan," katanya selepas merasmikan majlis Forum Kedua Keselamatan Makanan Antara Eropah-ASEAN di sebuah hotel di sini semalam.

Perlis larang bungkus makanan guna kertas bercetak berkuat kuasa 1 Jan. 2016.

KANGAR - Kerajaan negeri Perlis menjadi negeri pertama di negara ini mengenakan tindakan tegas terhadap peniaga yang menggunakan kertas bercetak terutama surat khabar sebagai pembungkus makanan bermula 1 Januari tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Jafperi Othman berkata, kajian toksiologi mendapati, kertas bercetak terutama surat khabar mengandungi bahan kimia berbahaya yang

JAFPERI (dua dari kanan) menerangkan kepada seorang peniaga tentang larangan mengguna kertas bercetak seperti surat khabar bagi membungkus makanan di Pasar Pagi Behor Lateh, Kangar semalam.

katanya pada pemberita selepas mengedarkan kertas pembungkus makanan percuma sempena Kempen Larangan Menggunakan Kertas Bercetak Sebagai Pembungkus Makanan di Pasar Pagi Behor Lateh di sini semalam.

Jafperi berkata, pengendali makanan yang masih berdegil akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut Peraturan 36 (Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009) yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM

KERATAN *Kosmo!* 7 Disember 2015.

Subramaniam berkata, dalam dasar keselamatan makanan kebangsaan juga menggalakkan pengendali makanan supaya tidak menggunakan kertas surat khabar sebagai pembungkus makanan.

Tambahnya, beliau sedar mengenai kebimbangan tahap kesihatan terhadap penggunaan bahan berkenaan dalam jangka masa panjang.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, kerajaan negeri Perlis melarang penggunaan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan bermula 1 Januari hadapan.

Pengendali makanan yang berdegil akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut Peraturan 36 (Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009) yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000, penjara tidak lebih dua tahun atau keduaduanya sekali.